

TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : BADAN PENYELIDIKAN KERAJAAN WAJIB SEDIA LATIHAN BIDANG BAHARU UNTUK PELAJAR TVET MULAI JULAI - ANWAR

SUMBER : BERNAMA - 6 JUN 2026

Badan Penyelidikan Kerajaan Wajib Sedia Latihan Bidang Baharu Untuk Pelajar TVET Mulai Julai - Anwar

🕒 06/06/2026 03:02 PM



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melawat ruang pameran pada Sambutan Hari Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara 2026 di Dataran Putrajaya hari ini. --fotoBERNAMA (2026) HAK CIPTA TERPELIHARA

PUTRAJAYA, 6 Jun (Bernama) -- Semua badan latihan serta penyelidikan kerajaan diwajibkan menyediakan program latihan dalam bidang baharu kepada pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terpilih bermula Julai depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata beliau telah mengarahkan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar untuk menyelaraskan inisiatif berkenaan demi memperkasakan kemahiran pelajar aliran itu di negara ini.

Beliau berkata sekurang-kurangnya 50 hingga 100 pelajar TVET di setiap institusi terpilih akan diberikan peluang latihan awal dalam bidang baharu dan berteknologi tinggi seperti kecerdasan buatan (AI) dan kriptologi.

"(Mereka) dipilih untuk menguasai bidang-bidang yang benar-benar baharu iaitu dalam AI, kriptologi serta peralihan tenaga," kata beliau ketika berucap merasmikan sambutan Hari TVET Negara 2026 di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, barisan menteri Kabinet serta Shamsul Azri.

Anwar berkata pelajar TVET yang terpilih akan menjalani latihan dalam bidang baharu di pelbagai agensi antaranya Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) atau pusat latihan penyelidikan di bawah Majlis Sains Negara.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : BADAN PENYELIDIKAN KERAJAAN WAJIB SEDIA LATIHAN BIDANG BAHARU UNTUK PELAJAR TVET MULAI JULAI - ANWAR

SUMBER : BERNAMA - 6 JUN 2026

"Hal ini bermakna lulusan TVET yang tertentu, yang terpilih itu dengan sendirinya terangkat melebihi (memiliki nilai pasaran) daripada ijazah sarjana muda.

"Maka sewajarnya upah dan gaji mereka harus dipastikan lebih daripada apa yang diperolehi oleh mana-mana siswazah yang perolehi ijazah sarjana muda," kata beliau.

Perdana Menteri berkata inisiatif berkenaan merupakan langkah tambahan kerajaan untuk mengangkat martabat graduan TVET, sekali gus menarik minat lebih ramai golongan muda menceburi bidang berkenaan.

Beliau berkata Shamsul Azri dijangka memanggil semua badan penyelidikan minggu depan bagi menetapkan bilangan pelajar dari setiap TVET yang perlu diambil untuk kursus tambahan supaya mereka dapat menguasai kemahiran dan kepakaran yang belum diperolehi dalam sistem pendidikan awam hari ini.

Anwar berkata peningkatan luar biasa TVET di Malaysia didorong oleh dasar kerajaan yang baik serta komitmen Ahmad Zahid selaku Pengerusi Majlis TVET Negara.

Lebih membanggakan, Perdana Menteri berkata TVET negara kini menjadi penanda aras di rantau ASEAN yang membuktikan kemampuan Malaysia mengangkat pendidikan itu secara meluas.

"Kita telah meningkatkan prestasi (TVET) kita. Di ASEAN yang saya pasti, TVET Malaysia menjadi antara penanda aras yang penting tentang bagaimana negara boleh memartabatkan latihan TVET dan kini dianggap antara yang utama di ASEAN.

"Hal ini bermakna, sepertimana saya tekankan kepada rakan dalam Jemaah Menteri dan kerajaan umumnya (kejayaan hadir) kalau kita ada satu dasar yang jelas," kata Anwar.

Hari TVET Negara disambut pada 2 Jun setiap tahun bagi mengiktiraf peranan pendidikan kemahiran tersebut sebagai pemacu pembangunan modal insan, di samping menjadi platform penting dalam memperkukuh agenda TVET MADANI yang menekankan elemen kemahiran, inovasi serta kebolehpasaran graduan.

Di bawah kerangka Malaysia MADANI, TVET kini diangkat sebagai agenda nasional dan bukan lagi sekadar pilihan kedua, dengan kerajaan komited memperkasakan bidang berkenaan melalui penawaran kursus berteknologi tinggi bagi memenuhi tuntutan pelaburan industri global.

-- BERNAMA